

# James Ongkili ditugaskan menjaga agensi2 utama

KOTA KINABALU, Selasa — Petronas, Pemas dan Perbedanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) adalah antara agensi utama kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada Datuk Dr James Ongkili.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata walaupun tugas itu berat, tetapi ia adalah satu cabaran baginya untuk menghasilkan prestasi yang memuaskan sejajar dengan harapan yang ditanamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepadanya.

Bellau berkata demikian dalam satu sidang

akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas ke ibu negara.

Tambah bellau, dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Khamis lalu Perdana Menteri telah memberitahunya selain daripada agensi-agensi tersebut bellau juga dipertanggungjawabkan mengenai perpaduan negara, Rukun Tetangga, biro aduan awam dan perpaduan nasional.

Dalam menjayakan bidang-bidang tersebut seorang Timbalan Menteri, Datuk Lee Kim Sai telah dipilih untuk membantunya.

Datuk Dr Ongkili juga turut diberi tugas mengawasi Lembaga Perancang Keluarga Negara dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri lagi iaitu Puan Sharifah Dora Syed Mohamed.

Selain dari itu, kata bellau, dua buah institut pengajian — Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa dan Pusat Penyelidik Tenaga Atom Tun Ismail (Puspati) — juga telah dipertanggungjawabkan kepada bellau.

Bellau mensifatkan tugas-tugas yang diberikan kepadanya satu tanggungjawab yang penting. — Bernama.